

**■ Jun Hoong
tekad kekal
momentum**

Mohd Khairie Khalid
khairie@bh.com.my

Kuala Lumpur

Mengharapkan sesuatu yang positif dari awal hingga penghujung tahun menjadi impian buat semua menjelang tahun baru, tidak terkecuali atlet negara.

Bagi juara dunia, Cheong Jun Hoong, antara perkara paling tidak diingini adalah kecederaan yang sudah pasti akan mengganggu persembahan serta prestasi seorang penggiat sukan.

“Secara keseluruhan prestasi saya pada 2017 adalah baik.

“Mudah-mudahan tahun depan saya dapat membaskan diri daripada sebarang bentuk kecederaan, ataupun sekurang-kurangnya mengekalkan kondisi badan.

“Jadi ia dapat membantu

terjunan saya selain bersedia sepenuhnya untuk sebarang kejohanan akan datang,” kata Jun Hoong ketika disoal mengenai harapannya sebaik memasuki kalendar 2018.

Sebelum ini ratu terjun dari Perak itu dilaporkan bergelut dengan kecederaan belakang yang dialami sejak Kejohanan Dunia, Julai tahun lalu sekali gus mengganggu persiapan dirinya termasuklah ketika Grand Prix (GP) Kuala Lumpur pada Oktober.

Sepanjang 2017, Jun Hoong melakar sejarah baru dalam sukan negara apabila dinobatkan selaku juara dunia pada Julai selepas memenangi pingat emas acara 10 meter platform individu wanita dalam Kejohanan Akuatik Dunia, Budapest, Hungary.

Pada kejohanan sama, Jun Hoong turut meraih gangsa dalam acara 10 meter platform seirama bersama Pandelela Rinong.



Mudah-mudahan tahun depan saya dapat membebaskan diri daripada kecederaan”

Cheong Jun Hoong

Elak cedera



AKSI Jun Hoong dalam acara 1 meter papan anjal wanita Sukan SEA KL2017 kali.